



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
E-mail : ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA  
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 16/2010 (18 hingga 24 April 2010)

Sepanjang minggu ke-16, iaitu bagi tempoh antara 18 hingga 24 April 2010, sejumlah 885 kes demam denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan di seluruh negara. Terdapat penurunan sebanyak 29 kes (3%) berbanding dengan 914 kes pada minggu sebelumnya. Enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur-Putrajaya (29 kes), N.Sembilan (12 kes), Perak (9 kes), Melaka (7 kes), manakala Perlis dan Sabah masing-masing (3 kes) seperti di lampiran A.

Jumlah kes terkumpul yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 15,665 kes dengan 54 kematian berbanding 17,531 kes dengan 41 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun berlaku penurunan kes sebanyak 11%, tetapi bilangan kematian pada tahun ini menunjukkan peningkatan sebanyak 32%.

Dua (2) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah dari Negeri Sembilan. Kedua-dua kes kematian ini melibatkan pelajar sekolah berumur 10 dan 16 tahun, dimana sebab kematian adalah oleh komplikasi Demam Denggi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Kedua-dua kematian berlaku di kawasan yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu diantara 4.7% hingga 11.4% dan satu daripadanya

berlaku di kawasan wabak yang terdapat kes kematian denggi pada Februari lepas.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 32 kawasan “hot spot” yang masih aktif, berbanding 38 lokaliti “hot spot” pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Pahang dan Sarawak (Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 14 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D) dan hanya 5 (16%) dari kawasan “hot spot” sahaja yang telah mengadakan aktiviti gotong-royong. Para ketua masyarakat perlu memainkan peranan yang lebih aktif bagi menggerakkan komunitinya menjalankan aktiviti cari dan musnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes. Tindakan masyarakat amat diperlukan dalam memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes bagi mencegah penularan tempat denggi. Kelalaian masyarakat dalam perkara ini boleh mengakibatkan mereka kehilangan orang yang disayangi.

Langkah-langkah pencegahan denggi bukan hanya tanggungjawab Kementerian Kesihatan sahaja, malah ia merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Peranan agensi-agensi lain yang berkaitan termasuklah pengurusan sekolah, rumah-rumah ibadat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan juga amat penting untuk menyampaikan mesej serta menggalakan tingkahlaku positif masyarakat dalam pencegahan demam denggi.

Peningkatan kematian yang berlaku akibat demam denggi perlu dijadikan pengajaran oleh masyarakat. Sekiranya terdapat di kalangan orang ramai yang mengalami gejala demam denggi, sila dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital berdekatan. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan

akibat demam denggi. Perhatian yang serius juga perlu diberikan oleh pengamal perubatan yang merawat kes yang disyaki demam denggi . Sekiranya perlu, kes perlu dirujuk ke hospital berdekatan dengan kadar segera. Bagi penduduk daripada kawasan “hot spot” denggi, sila maklumkan kepada doktor yang merawat kes untuk mempermudahkan tindakan yang perlu diambil.

Bagi tempoh 18 hingga 24 April 2010, sejumlah 3 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, berbanding 8 kes pada tempoh yang sama minggu sebelumnya, penurunan sebanyak 5 kes. 3 kes yang dilaporkan adalah 2 dari Sarawak dan 1 kes di P.Pinang. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 536 kes berbanding 1,456 kes, penurunan sebanyak 920 kes (63%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

26 April 2010

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2010**  
**(18 hingga 24 April 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2009
		Minggu 16 (18 – 24 April 2010)	Minggu 15 (11 - 17 April 2010)		
1	Perlis	4	1	42	64
2	Kedah	18	21	194 (2)	358
3	P. Pinang	18	21	365 (2)	979
4	Perak	38	29	544 (1)	1454
5	Selangor	441	459 (2)	7440 (27)	9323 (28)
6	WPKL & Putrajaya	138	109 (2)	1777 (4)	1523 (5)
7	N. Sembilan	37 (2)	25	677 (3)	333 (4)
8	Melaka	18	11	157 (2)	225
9	Johor	50	79	941 (3)	979 (2)
10	Pahang	13	17	400 (1)	337 (1)
11	Terengganu	17	18	320	423
12	Kelantan	29	38 (1)	365 (2)	518
13	Sarawak	42	66	1797 (6)	641
14	Sabah	22	19	638 (1)	356 (1)
15	WP Labuan	0	1	8	18
	<b>Jumlah</b>	<b>885 (2)</b>	<b>914 (5)</b>	<b>15,665 (54)</b>	<b>17,531 (41)</b>

Nota: ( ) Kematian

**Lampiran B**

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2010  
(18 hingga 24 April 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-16 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 16 Tahun 2009
		Minggu 16 ( 18 – 24 April 2010)	Minggu 15 ( 11 – 17 April 2010)		
1	Perlis	0	0	0	17
2	Kedah	0	0	0	34
3	P. Pinang	1	0	3	68
4	Perak	0	0	3	270
5	Selangor	0	2	16	294
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	69
7	N. Sembilan	0	0	0	29
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	119
10	Pahang	0	0	1	58
11	Terengganu	0	0	1	36
12	Kelantan	0	0	2	288
13	Sarawak	2	6	494	174
14	Sabah	0	0	8	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>3</b>	<b>8</b>	<b>536</b>	<b>1,456</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Lampiran C**

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 24 APRIL 2010 (Mg 16)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	36	107
2	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	29	101
3	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	23	86
4	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	15	81
5	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	42	69
6	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	18	61
7	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	27	58
8	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	45	52
9	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 2 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	13	50
10	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	18	48
11	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	23	44
12	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	6	43
13	SELANGOR	MPAJ	Taman Kosas (Zon C)	12	41
14	SELANGOR	MPSJ	Taman Pinggiran USJ 2	8	40
15	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	17	39
16	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	7	38
17	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	13	35
18	SELANGOR	MPSJ	Taman Serdang Jaya 2	11	31
19	SELANGOR	MPK	Taman Palm Grove Jalan Resak	7	31
20	SELANGOR	MPKJ	Taman Berjaya Baru	16	30
21	SELANGOR	MBSA	Seksyen 6( Jalan 6/5- Jalan 6/5C)	8	30
22	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	23	103
23	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	14	54

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
24	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	23	93
25	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Cempaka Penguin	18	53
26	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	17	65
27	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Jalil Damai Apartment)	12	51
28	WPKL	Kepong	Pangsapuri Sri Batu	7	39
29	JOHOR	MPJBT	Felda Ulu Tebrau	5	37
30	JOHOR	MPPG	Flat SEDC, Pelentong	15	39
31	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 6	12	45
32	SARAWAK	Bau	Kpg Stenggang	4	33

**Lampiran D**

**SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-16**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	JOHOR	MPJBT	Felda Ulu Tebrau	25.0	25
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	16.7	17
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 6( Jalan 6/5- Jalan 6/5C)	14.3	14
4	SELANGOR	Gombak	Taman Desa Jaya	10.0	10
5	WPKL	Kepong	Pangsapuri Sri Batu	8.0	8
6	JOHOR	MPPG	Flat SEDC, Pelentong	4.2	4
7	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	4.5	5
8	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 4 Taman Taming Jaya	4.1	4
9	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	4.0	4
10	SELANGOR	MPK	Taman Palm Grove Jalan Resak	4.0	4
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	3.8	4
12	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 6	2.4	4
13	SELANGOR	MPSJ	Taman Pinggiran USJ 2	1.9	2
14	SARAWAK	Bau	Kpg Stenggang	1.8	2